

Talking Points  
YB Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob  
Menteri Kanan Pertahanan

**21 Oktober 2020**

**Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Hari Ke-218 dan Hari ke-134 Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dilaksanakan.**

- Semalam (20 Oktober 2020) merupakan **hari ke-133 pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).**

**Task Force Operasi Pematuhan**

- Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui **Task Force Operasi Pematuhan melibatkan 2,933 Pasukan Pematuhan** yang terdiri daripada **12,967 anggota.**
- **Task Force** ini telah membuat **54,344 pemeriksaan** bagi memantau dan menguatkuasa pematuhan SOP PKPP.
- Sebanyak **3,777 pasar raya, 4,678 restoran, 1,201 kilang dan 1,939 pasar awam/tani** telah diperiksa.
- Turut diperiksa, **3,100 tempat ibadah** serta **1,343 tempat riadah.**
- PDRM telah **menahan 434 individu** atas kesalahan ingkar arahan PKPP.
- Daripada jumlah itu, **seramai 400 individu telah dikompaun.**
- Seramai **24 individu** pula **direman dan 10 dijamin.**

- Antara kesalahan ingkar arahan PKPP termasuk:
  - Tidak memakai pelitup muka (188)
  - Penjarakan fizikal (77)
  - Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran diri (83)
  - Dan lain-lain (86)
- *Task Force* akan terus **mempertingkatkan pemeriksaan** serta **mengambil tindakan** ke atas **pemilik premis dan orang awam** yang **tidak mematuhi SOP PKPP** yang ditetapkan.

### Kawalan Sempadan Negara

- **Operasi BENTENG** yang melibatkan;
  - Angkatan Tentera Malaysia (ATM),
  - Polis Diraja Malaysia (PDRM),
  - Agensi Penguatkuasaan Malaysia (APMM),
  - Jabatan Imigresen Malaysia (JIM),
  - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM),
  - Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM)

dan agensi-agensi lain **mengawal ketat sempadan negara** secara bersepadu dari **dibolosi Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)** bagi **mengekang jenayah rentas sempadan** selain **mengekang penularan wabak COVID-19**.

- Semalam, Ops Benteng telah berjaya **menahan 37 PATI**, serta **berjaya merampas 10 kenderaan darat**.

- Sebanyak **304 Sekatan Jalan Raya Operasi Benteng** juga dilakukan diseluruh negara yang melibatkan:
  - PDRM – **230 SJR**
  - ATM – **65 SJR**
  - AKSEM – **9 SJR**

## Berita Palsu

- Sehingga 21 Oktober 2020, sebanyak **273 kertas siasatan** telah dibuka oleh PDRM dan SKMM berhubung berita palsu berkaitan Covid-19. Daripada jumlah ini, sebanyak **136 masih dalam siasatan**, manakala **35 kes telah didakwa di mahkamah**, **21 didapati bersalah**, **13 dalam proses perbicaraan** dan **12 diberikan notis amaran**. Tindakan penguatkuasaan aktif juga sedang dijalankan pada masa ini berdasarkan laporan awam yang diterima.
- Dalam masa yang sama sebanyak **398 penafian** dan penjelasan mengenai berita palsu telah diperjelaskan kepada orang ramai oleh Pasukan Respon Pantas (PRP) Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) yang ditubuhkan bagi membantu membendung penyebaran berita palsu berkaitan COVID-19.
- Hari ini tular di media sosial berita palsu mengenai kononnya hampir 90% individu yang positif COVID-19 telah mengunjungi Pusat-pusat membeli belah di sekitar Lembah Klang.

- Orang ramai diingatkan supaya berhati-hati sebelum menyebarkan sebarang kandungan yang diragui kesahihannya, dan sentiasa menyemak terlebih dahulu kesahihan sesuatu berita daripada sumber yang rasmi atau boleh dipercayai. Perkara yang belum tentu sahih, jika kita turut sebarkan, dan sekiranya ianya didapati tidak benar, anda juga boleh dikenakan tindakan.
- Sekiranya terhadap sebarang berita yang diragui kesahihannya, anda boleh menyalurkan maklumat kepada PRP di **talian 03-8911 5103** atau layari **WWW.SEBENARNYA.MY** untuk menyemak kesahihannya.

### PKPD Penjara Seberang Perai dan Kwarters Perumahan Penjara Seberang Perai

- Sidang Khas MKN hari ini mendengar pembentangan daripada KKM berkenaan peningkatan kes positif COVID-19 melibatkan Kluster di Penjara Seberang Perai dan Kwarters Perumahan Penjara Seberang Perai, Sungai Jawi, daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.
- Bagi mengawal penularan di penjara serta kawasan kwarters kakitangan tersebut dan atas nasihat KKM, Sidang Khas MKN hari ini bersetuju untuk melaksanakan PKPD di Penjara Seberang Perai dan Kwarters Perumahan Penjara Seberang Perai **bermula 22 Oktober 2020 sehingga 4 November 2020.**

- Pelaksanaan PKPD ini membolehkan pergerakan keluar masuk di kawasan tersebut dapat dikawal dan memudahkan pelaksanaan ujian saringan COVID-19 dilaksanakan.
- Jumlah keseluruhan individu terlibat adalah seramai 3,262 orang merangkumi banduan (2,110 orang), staf penjara dan keluarga yang mendiami kuarters (1,000 orang), staf penjara yang tidak mendiami kuarters (120 orang) dan kakitangan awam (32 orang).
- Tahanan yang akan dibebaskan dalam tempoh PKPD akan diasingkan dan akan dikuarantin di tempat yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Pulau Pinang iaitu di Institut Latihan Kecemerlangan Mara (MEC), Daerah Seberang Perai Selatan sehingga tamat tempoh kuarantin.

### Pkpd PPR Taman Harmoni Sandakan

- Sidang Khas hari ini juga mendengar pembentangan daripada MKN Sabah mengenai peningkatan kes positif COVID-19 di PPR Taman Harmoni, Sandakan.
- Atas nasihat KKM, Sidang Khas hari ini bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di PPR Taman Harmoni berkuatkuasa **23 Oktober 2020 sehingga 5 November 2020**.
- PKPD ini akan melibatkan **870 unit rumah** dengan seramai 4,481 penduduk.

- Dengan pelaksanaan perintah ini semua penduduk dikehendaki mematuhi SOP yang ditetapkan antaranya:
- Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah masing-masing.
- Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, mereka dibenarkan untuk keluar tetapi perlu mengemukakan permohonan pergerakan kepada PDRM.
- KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat.
- Bekalan keperluan makanan akan diagihkan oleh Kerajaan negeri yang akan dikoordinasi Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri.
- Bagi memastikan pematuhan perintah ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Pihak Berkuasa Tempatan dan pegawai yang diberi kuasa, akan mengawal seluruh kawasan terlibat
- Maklumat lanjut dan SOP berkaitan boleh dirujuk di laman sesawang MKN.

## Work From Home

- Semalam saya umumkan berkenaan dengan arahan bekerja dari rumah (work from home) bagi pekerja sektor awam dan industri di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan, Selangor dan Sabah yang berkuatkuasa 22 Oktober 2020 sehingga tamatnya tempoh PKPB.
- Seperti yang saya jelaskan semalam, bahawa Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan mengeluarkan kenyataan bagi memperincikan pekerja di sektor awam dan industri yang terlibat dengan arahan ini.
- Hari ini Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan pekeliling bagi memaklumkan berkenaan arahan ini di mana Ketua Jabatan hendaklah memastikan semua pegawai di peringkat pengurusan dan pentadbiran yang tidak diperlukan berada di pejabat, supaya bekerja dari rumah.
- Walaubagaimanapun, arahan bekerja dari rumah ini adalah terkecuali kepada pegawai awam yang berada di perkhidmatan penting dan diklasifikasikan kritikal bagi memastikan penyampaian perkhidmatan tidak terjejas dan berjalan lancar.
- Hari ini, MITI juga telah mengeluarkan kenyataan berkenaan arahan bekerja dari rumah yang melibatkan hampir 800,000 pekerja industri

- Pihak MITI juga telah mengadakan perbincangan dengan persatuan-persatuan industri ini dan meminta mereka untuk memperjelaskan kepada ahli mengenai arahan ini dan SOP yang berkaitan.
- Perincian lanjut berkenaan arahan ini boleh dilayari di laman sesawang MITI.
- Bagi pekerja sektor-sektor lain yang dikategorikan sebagai informal sektor seperti sektor peruncitan, makanan, perladangan, pertanian, penjaja, gerai-gerai makan, restoran, medan selera, kedai runcit, kedai serbaneka dan lain-lain dibenarkan bekerja seperti biasa mengikut SOP PKPB yang telah ditetapkan.
- Begitu juga, pekerja bagi perkhidmatan pengangkutan seperti pengangkutan awam, bas ekspres, LRT, teksi, *e-hailing* dan khidmat penghantaran makanan (*delivery service*) juga boleh bekerja seperti biasa.
- Majikan perlu mengeluarkan surat perlepasan perjalanan bagi setiap kakitangan yang dibenarkan bekerja sepanjang tempoh PKPB ini.
- Pelaksanaan arahan ini adalah sama seperti yang pernah dikuatkuasakan ketika pelaksanaan PKPB di seluruh negara pada Mei 2020.



## **Swab Test Pekerja Di Zon Merah**

- Swab test adalah diwajibkan bagi pekerja-pekerja warga asing yang bekerja di sektor pembinaan dan pengawal keselamatan.
- Turut diwajibkan untuk menjalani swab test adalah bagi mereka yang bergejala.
- Bagi pekerja dari zon merah yang perlu bekerja di pejabat, mereka juga amat disarankan untuk menjalani swab test.
- Hal ini untuk memastikan pengesanan awal jangkitan COVID-19 bagi mengelakkan wujudnya kluster baharu di tempat kerja.